



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN PESTA PONGGAL MPSP
2019

OLEH

YANG BERHORMAT
PROF. DR. RAMASAMY A/L PALANISAMAY
TIMBALAN KETUA MENTERI II, PULAU PINANG

TARIKH / MASA / TEMPAT
10 FEBRUARI 2019 (AHAD)
8.00 PAGI

RAIN GARDEN
JALAN JETI LAMA, BUTTERWORTH

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Prof. Dr. Ramasamy a/l Palanisamay
Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir. Hjh Rosnani Binti Hj Mahmod
Setiausaha Perbandaran MPSP

Ketua-Ketua Jabatan
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Pegawai-Pegawai Kanan dan Kakitangan-Kakitangan
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Pertamanya, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menyambut Perayaan Ponggal kepada Yang Berhormat Prof. Dr. Ramasamy a/l Palanisamy, Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang; Ahli-Ahli Majlis dan kakitangan-kakitangan MPSP serta para hadiran yang berbangsa India. Tahniah dan syabas kepada barisan Ahli-Ahli Majlis, Encik David Marshel a/l Pakianathan, Encik Johnson a/l Anthonymsamy, Encik Jason Raj a/l Kirupanathan dan Encik Kumaran a/l Krishnan serta kakitangan-kakitangan MPSP yang berjaya menganjurkan Pesta Ponggal MPSP pada tahun ini di Rain Garden, Jalan Jeti Lama, Butterworth.

Tidak lupa juga setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada para penaja di atas kesudian menyumbangkan hadiah-hadiah untuk pelbagai pertandingan yang diadakan pada hari ini, iaitu Pertandingan Ponggal, Pertandingan Melukis Kolam, Pertandingan *Uri Adithal*, Pertandingan Mewarna, Pertandingan Memakai Pakaian Tradisional dan Cabutan Bertuah.

Izinkan juga saya untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Prof. Dr. Ramasamy a/l Palanisamy, Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang, kerana sudi melapangkan masa hadir dan seterusnya merasmikan Majlis Pesta Ponggal MPSP 2019 pada pagi yang berbahagia ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian, sehingga kini terdapat seramai 324 orang kakitangan berbangsa India yang bertugas di MPSP. Walaupun peratusan bilangan kakitangan berbangsa India adalah rendah, pihak Pengurusan MPSP sentiasa berusaha meningkatkan kemasukan kaum India ke dalam perkhidmatan MPSP dari masa ke semasa. Pihak Pengurusan MPSP amat menggalakkan serta prihatin terhadap hubungan saling hormat-menghormati dalam pelbagai agama dan budaya di kalangan kakitangan. Ini adalah penting dalam memastikan kedamaian dan keharmonian yang dinikmati sejak sekian lama terus berkekalan.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Kaum India di Malaysia, terutamanya di Pulau Pinang, masih menyambut perayaan ponggal sama seperti mana nenek moyang mereka

menyambutnya. Nilai-nilai kemasyarakatan yang tersirat di dalamnya masih relevan dan boleh ditransformasi mengikut kehendak dan situasi semasa.

Saya berasa gembira kerana walaupun wujud pelbagai kepercayaan dan anutan agama di negara kita, sikap toleransi, perpaduan dan kerjasama antara kaum masih utuh untuk kita meraikan sesuatu perayaan dengan penuh kegembiraan tanpa perlu rasa bimbang atau takut. MPSP menghargai nilai-nilai perbezaan ini dan menghormati kepelbagaian tersebut. Saya yakin penganjuran program seperti ini adalah satu usaha untuk mengenali sejarah perkembangan dan kebudayaan kepelbagaian kaum di Seberang Perai yang seterusnya memupuk semangat perpaduan, toleransi beragama dan keharmonian penduduk Seberang Perai. Ini adalah salah satu usaha MPSP ke arah inklusif yang bersifat *people centric*.

Marilah kita bertekad untuk memperbaharui diri kita dan melangkah ke arah kebaikan, khususnya dalam perhubungan kita antara satu sama lain. Jika kita semua, tanpa mengira kaum agama dan bangsa, mengambil langkah ini, pasti, hubungan kita antara satu sama lain akan lebih erat dan perpaduan yang menjadi lambang kejayaan kita akan terus teguh dan kukuh demi menjamin masa depan negara kita. Oleh itu, usaha seperti ini perlu diketengahkan untuk mencapai “*Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi*”.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Sambil kita menghayati dan mengekalkan amalan tradisi ini, adalah menjadi tanggungjawab saya untuk mengingatkan warga MPSP untuk sentiasa menyokong semua aktiviti-aktiviti dan program-program yang dilaksanakan MPSP demi mencapai status Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar Menjelang Tahun 2022. Saya pasti tuan-tuan dan puan-puan amat mengenali dan memahami peranan MPSP sebagai pihak berkuasa tempatan untuk kawasan Seberang Perai.

MPSP merupakan sebuah organisasi berorientasikan rakyat atau “*People Centric Organisation*” dan telah mengisytiharkan Bajet MPSP 2019 bertemakan *People Centric Budget*. MPSP memperkasakan rakyat dengan menggalakkan masyarakat untuk membuat keputusan dalam program-program pembangunan. MPSP mengukuhkan masyarakat sivil dengan mengadakan program yang menggalakkan perubahan tingkah laku, sikap dan gaya hidup dan seterusnya berusaha ke arah kehidupan yang mampan. Hasrat MPSP adalah untuk menjadikan Seberang Perai sebagai kawasan yang bersih, mempunyai alam sekitar yang hijau dan mampan serta selamat untuk didiami dan mempunyai masyarakat serta persekitaran yang sihat.

*Seberang Perai Corporate Priorities 2019 (SPCP) menterjemahkan People Centric Bajet 2019 kepada 98 program, 208 aktiviti, di mana 75 daripada 208 aktiviti adalah berfokuskan *people centric*. Keutamaan diberikan kepada kanak-kanak, remaja, warga emas dan golongan B40 bagi membina masyarakat yang progresif, mencintai alam sekitar dan masyarakat yang menyayangi sesama insan termasuk haiwan serta tumbuh-tumbuhan. Saya menyeru kepada para hadirin sekalian bersama-sama mengambil bahagian serta memberi pandangan dan cadangan agar MPSP dapat memberikan perkhidmatan yang berkualiti serta dapat membangun mengikut kepada acuan dan kehendak warga Seberang Perai.*

Antara program-program yang dirancang dan dilaksanakan di bawah *Seberang Perai Corporate Priorities 2019 (SPCP)* termasuklah memulihkan identiti bandar lama dengan memelihara nilai warisan dan identiti tempatan di samping mewujudkan persekitaran yang mesra dan teratur bagi orang awam seperti di Butterworth dan Bukit Mertajam. Di bawah Intervensi Pelan Tindakan Pekan Lama, Pelan Butterworth Baharu, beberapa program telah diatur dan dilaksanakan sebagai satu inisiatif untuk menghidupkan semula Bandar Butterworth menjadi *liveable city* dan masyarakat akan lebih prihatin dengan tanggungjawab mereka untuk mewariskan persekitaran yang bersih, selamat dan sihat untuk generasi akan datang. Program-program yang dilaksanakan adalah:-

1. Program Temasya Bagan

MPSP dan Think City Sdn. Bhd. serta Zart Eventive Enterprise telah mewujudkan kerjasama dalam memperkasakan projek fizikal di bawah Pelan Butterworth Baharu melalui pendekatan kreatif untuk *unlocking the power of partnership* melalui konsep 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet, Partnership*). Program Temasya Bagan @ *Butterworth Art Walk* adalah salah satu usaha untuk meremajakan Bandar Butterworth. Program ini diadakan pada hari Sabtu ketiga setiap bulan di Lorong Bagan Luar 2, Butterworth bermula bulan Oktober 2018, sehingga Disember 2019. Setiap bulan program ini akan mengetengahkan tema-tema berbeza mengikut kepada sambutan perayaan yang tertentu pada bulan tersebut seperti Deepavali, Hari Natal, Tahun Baru, Hari Ibu, dan sebagainya. Temasya Bagan merupakan salah satu platform yang dapat membuka ruang kepada komuniti dengan pelbagai komponen pendidikan dan kesedaran awam dari segi seni, budaya dan warisan tempatan. Program ini mengetengahkan konsep mesra keluarga dan santai ilmu selain aktiviti sihat sebagai salah satu pengisian program.

2. *Butterworth Art District* sebagai Zon Warisan

MPSP juga mewujudkan zon kesenian bagi menggalakkan penduduk Seberang Perai beriadah bersama keluarga dan menjalankan aktiviti-aktiviti seperti zumba, busking, kesenian, kebudayaan dan lain-lain. Butterworth

Art Walk di sepanjang lorong belakang di Jalan Bagan Luar mempamerkan mural dan pemasangan yang cantik dan indah serta memberi gambaran berhubung sejarah Butterworth dengan tujuan mendidik para pengunjung yang melawat kawasan ini. Yang Berhormat Tuan Satees a/l Muniandy, Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Bagan Dalam mencadangkan Kawasan Butterworth Art Walk bermula di Lorong Bagan Luar 1 sehingga Jalan Jeti Lama Zon Warisan.

3. *Butterworth Fringe Festival (BFF)*

Butterworth Fringe Festival (BFF) adalah satu program tahunan yang telah diadakan semenjak tahun 2015 dengan mempamerkan persembahan jalanan tempatan dan antarabangsa. Ianya bertujuan untuk merancakkan lagi misi meremajakan Bandar Butterworth dengan menjadikan bandar ini sebagai hub budaya, kreatif dan inovatif. BFF adalah program yang terbuka kepada orang rama secara percuma.

4. *Pocket Park*

MPSP dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Think City Sdn. Bhd. melaksanakan projek-projek fizikal seperti *Pocket Park* Lebuh Benggali dan *Rain Garden* di Jalan Jeti Lama. Pelan ini diharapkan

membawa perubahan dan penambahbaikan yang dinamik di Bandar Butterworth.

5. Kolam Renang Pangsapuri Ria

Kolam Renang Pangsapuri Ria di Lebuh Kampung Benggali sedang dinaiktaraf oleh MPSP dengan kos sebanyak RM210,000.00 dan kerja-kerja naiktaraf ini dijangka siap pada 21 Februari 2019. Kolam renang tersebut dibuka untuk kegunaan orang awam dan MPSP telah melantik pihak swasta bagi menjalankan pengurusan dan penyelenggaraan premis berkenaan.

6. *Butterworth Digital Library*

Pembangunan *Digital Library* akan dilaksanakan oleh Perbadanan Ketua Menteri (CMI) di dewan milik MPSP, Seksyen 4, Lebuh Kampung Benggali, Seberang Perai Utara dengan kos sebanyak RM4,589,795.98 seperti kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 4 April 2018. Pelan bangunan bagi *Digital Library* ini telah diluluskan oleh MPSP pada 5 September 2018. Pejabat Perbadanan Ketua Menteri dengan kerjasama MPSP dan Think City Sdn. Bhd. akan melaksanakan kerja-kerja naiktaraf dan mengubahsuai bangunan yang sedia ada dan pembangunan projek ini dijangka siap sepenuhnya awal Januari 2020. Bangunan Dewan Ria ini akan dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan yang sesuai kepada semua

peringkat umur dan kemudahan ini adalah percuma serta boleh digunakan pada bila-bila masa.

7. Dewan Dato' Haji Ahmad Badawi, Butterworth

Dewan Dato' Haji Ahmad Badawi, Butterworth sedang dinaiktaraf oleh MPSP dengan kos sebanyak RM4.4juta dijangka siap pada bulan Mac 2019. Dewan ini menyediakan pelbagai kemudahan termasuklah dewan utama, bilik seminar, *digital library*, bilik VIP, surau, tandas, pentas utama dan padang.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Sekali lagi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Prof. Dr. Ramasamy a/l Palanisamy, Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang, Ahli-Ahli Majlis, warga MPSP, pihak penaja dan masyarakat setempat yang datang mengambil bahagian dalam menjayakan serta memeriahkan Pesta Ponggal MPSP 2019. Besar harapan saya sekiranya para hadirin sekalian dapat bersama-sama menjaga kebersihan persekitaran sepanjang Pesta Ponggal ini.

Akhir kata, saya mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada Ahli-Ahli Majlis serta para penaja yang telah menaja Pesta Ponggal MPSP 2019 ini serta tahniah kepada semua warga MPSP yang terlibat dalam menjayakan program ini.

Sekian, Terima kasih.